



PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER KEDUA

امتحان نهاية الفصل الدراسي الثاني للعام الجامعي

2009/2010

NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM
NOMBOR MATRIK : _____
KOD KURSUS : MPW 1043
PROGRAM : DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN/DIPLOMA PERAKAUNAN/DIPLOMA TEKNOLOGI
MAKLUMAT/ DIPLOMA TAHFIZ QURAN
TAHUN/SEMESTER : DUA & TIGA, / EMPAT & ENAM
TARIKH : 14/04/2010
MASA : DUA SETENGAH JAM
TEMPAT : BLOK D
PENSYARAH : USTAZ MOHD FAUZI BIN AUDZIR

ARAHAN

معلومات و مطلوبات

1. Kertas soalan ini mengandungi **SERATUS (100)** soalan di dalam **LIMA BELAS (15)** halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Sila hitamkan jawapan anda menggunakan PENSEL 2B di dalam **Borang OMR**.

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERI ARAHAN

لا تفتح الورقة حتى يؤذن بذلك

1. Islam dalam bahasa Arab berasal dari perkataan apa ?
 A. Salman B. Saumun C. Salima D. Ismu

2. Yang manakah BUKAN dasar utama ajaran Islam ?
 A. Aqidah B. Individu C. Syariah D. Akhlak

3. _____ beerti ikatan, sangkutan atau menyimpulkan sesuatu
 A. Iman B. Islam C. Ihsan D. Akidah

4. _____ bermaksud merendah diri, tunduk, patuh dan taat
 A. Ibadat B. Muamalat C. Munakahat D. Jinayat

5. Ibadah terbahagi kepada bahagian berikut :
 A. Khas dan Am B. Wajib dan Harus
 C. Haram dan makruh D. Nyata dan Tersembunyi

6. Muamalat secara umum bermaksud
 A. perhubungan manusia dengan Allah S.W.T.
 B. perhubungan manusia sesama manusia
 C. perhubungan manusia dengan keluarga
 D. perhubungan manusia dengan diri sendiri

7. Seseorang itu _____ berkahwin sekiranya cukup belanja dan tidak dapat menahan gelora nafsunya
 A. wajib B. Sunat C. Makruh D. Haram

8. Seseorang itu _____ berkahwin sekiranya cukup belanja tetapi tiada keinginan berkahwin.
 A. wajib B. Sunat C. Makruh D. Haram

9. Mengikut peruntukan Undang-undang Jenayah Syari'ah`, penjenayah-penjenayah yang sabit melakukan kesalahan **membunuh** wajib dikenakan hukuman _____
 A. hudud B. Qisas C. Diyat D. Ta'zir

10. Maksud Alam ialah
- A. binatang-binatang
 - B. tumbuh-tumbuhan
 - C. pemandangan sekitar
 - D. Sesuatu selain Allah S.W.T.
11. Tingkatan tertinggi alam ialah
- A. Malaikat
 - B. Iblis
 - C. jin
 - D. Manusia
12. Susunan Masalahah-maslah ialah
- I Hajjiyah
 - II Dharuriyyah
 - III Tahsiniyah
- A. I, II, III
 - B. I, III, II
 - C. II, I, III
 - D. III, II, I
13. Allah menetapkan peraturan dan perundangan adalah untuk menjaga 5 keperluan asas mengikut susunan berikut
- A. Diri, agama, akal, keturunan dan harta.
 - B. Agama, diri, akal, keturunan dan harta.
 - C. Harta, keturunan, diri, agama dan akal.
 - D. Keturunan, diri, agama, akal dan harta
14. Ilmu yang berada pada hierarki tertinggi dalam Islam ialah
- A. ilmu wahyu
 - B. ilmu ilham
 - C. ilmu logikal
 - D. ilmu empirikal
15. Yang manakah di bawah berikut BUKAN sumber ilmu yang diiktiraf islam:
- A. Wahyu
 - B. Khayalan
 - C. Ilham
 - D. Pancaindera

16. Tingkatan ilmu pengetahuan yang paling tinggi ialah
- ilmu sains dan teknologi
 - ilmu falsafah
 - ilmu hukum-hakam
 - ilmu mengenal Allah
17. Pengetahuan itu _____ dari akal yang mengetahuinya
- berpisah
 - bersekali
 - sebahagian
 - suku
18. Berikut adalah tahap-tahap keyakinan **kecuali**
- Yaqin
 - Dzan
 - Waham
 - Perasaan
19. Pilih kenyataan yang **betul**
- Manusia pasti memiliki ilmu kerana mempunyai akal
 - Manusia cerdik secara semulajadi
 - Manusia memerlukan kekuatan akal untuk mendapat ilmu
 - Pengetahuan adalah kelompok ilmu yang sama dengan kemampuan akal
20. Berikut adalah sumber-sumber makrifah
- I Wahyu II Ilham III Halusinasi IV Intuisi
- I dan II
 - I, II dan IV
 - I, III dan IV
 - I, II dan III
21. Apakah sumber utama dan terpenting bagi semua jenis ilmu pengetahuan?
- Kitab sejarah
 - Pandangan ilmuwan
 - Pandangan Pemerintah
 - Pandangan orang –ramai
22. Sistem nilai dalam Islam ditentukan oleh
- etika
 - moral
 - konsensus
 - Syari'at

23. Jenis-jenis nilai ialah
- I pemikiran
 - II keindahan
 - III akhlak
 - IV keagamaan
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. I, II dan III
 - D. I, II, III dan IV
24. _____ ialah ciri keistimewaan Islam yang sesuai dengan fitrah dan kemampuan manusia serta sejajar dengan naluri yang sihat
- A. Menyeluruh
 - B. Keseimbangan
 - C. Realistik
 - D. Kesederhanaan
25. _____ ialah ciri keistimewaan Islam. Ianya meliputi segenap aktiviti biologi manusia , perseorangan dan masyarakat.
- A. Menyeluruh
 - B. Keseimbangan
 - C. Realistik
 - D. Kesederhanaan
26. _____ merupakan ciri keistimewaan Islam. Ianya meliputi semua orang dan masa
- A. Menyeluruh
 - B. Keseimbangan
 - C. Umum
 - D. Kesederhanaan
27. Semua ajaran Islam adalah daripada Allah. Manusia tidak campur tangan dalam mengubal ajaran Islam. Peranan manusia hanyalah pelaksana dan pemudahcara. Ciri khusus Islam tersebut ialah ciri _____
- A. Menyeluruh
 - B. Keseimbangan
 - C. Umum
 - D. Rabbani
28. Nilai Nisbi ialah
- A. nilai dalaman yang wujud pada zatnya
 - B. zat yang terkandung di dalamnya sifat yang baik
 - C. sesuatu yang diperlukan manusia kerana kecantikannya
 - D. sesuatu yang diperlukan manusia bukan kerana zatnya tetapi nilai yang terhasil daripadanya.

29. Nilai mutlak ialah
- sifat yang baik yang terdapat pada zatnya
 - nilai luaran yang wujud pada sifatnya
 - sesuatu yang diperlukan manusia kerana kecantikannya
 - sesuatu yang diperlukan manusia bukan kerana zatnya tetapi nilai yang terhasil daripadanya.
30. _____ adalah satu kebiasaan yang mendalam dalam jiwa yang menimbulkan sesuatu perbuatan secara spontan dan mudah tetapi masih memerlukan pemikiran, usaha dan tenaga.
- Akal
 - Iman
 - Akhlak
 - Nilai
31. Berikut adalah sifat-sifat yang diwarisi dari keturunan **kecuali**
- ketinggian
 - kepintaran
 - keberanian
 - kemahiran
32. Nilai _____ berkait dengan kebenaran seperti nilai bukti dan nilai teori
- pemikiran
 - keindahan
 - Akhlak
 - keagamaan
33. Nilai _____ berkait dengan kecantikan seperti nilai lukisan dan muzik
- pemikiran
 - keindahan
 - Akhlak
 - keagamaan
34. Nilai _____ berkait dengan kebaikan seperti amanah, jujur, ikhlas dan berkata benar
- pemikiran
 - keindahan
 - Akhlak
 - keagamaan
35. Nilai _____ berkait dengan agama seperti nilai pengabdian dan kekhusyukkan
- pemikiran
 - keindahan
 - Akhlak
 - keagamaan
36. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai akhlak
- Akhlak adalah kebiasaan atau sikap yang mendalam dalam jiwa
 - Akhlak adalah perlakuan yang diwarisi dan tidak boleh diubah
 - Akhlak sesuai dengan fitrah kemanusiaan
 - Akhlak dalam Islam bertujuan mencapai kebahagiaan di dunia

37. Kitab al-Quran ialah
- I Kalamullah
 - II dalam bahasa Arab
 - III mukjizat nabi Muhammad s.a.w
 - IV pedoman hidup setiap muslim
- A. I dan II sahaja B. II dan IV sahaja C I, II dan III D. I, II, III dan IV
38. Al-Quran terdiri daripada _____ surah
- A. 144
 - B. 114
 - C. 411
 - D. 141
39. _____ surah al-Quran turun di Makkah
- A. 90
 - B. 91
 - C. 92
 - D. 93
40. _____ surah al-Quran turun di Madinah
- A. 22
 - B. 23
 - C. 24
 - D. 25
41. Al-Quran mempunyai _____ juz
- A. 10 juz
 - B. 20 juz
 - C. 30 juz
 - D. 40 juz

42. Al-Sunnah ialah _____ Nabi s.a.w
- I perbuatan
 II perkataan
 III keizinan
 IV renungan
- A. I dan II sahaja B. II dan IV sahaja C. I, II dan III D. I, II, III dan IV
43. Berikut adalah perkara-perkara yang mengharuskan perang jihad **kecuali**
- A. memerangi lanun-lanun
 B. mendamaikan perang saudara
 C. memerangi pemberontak kepada sebuah kerajaan Islam yang sah dan adil
 D. menghalau golongan kafir yang patuh dengan undang-undang negara Islam
44. Hukum jihad di medan perang adalah
- A. Fardhu Kifayah dalam keadaan sakit atau uzur
 B. Fardhu Ain ke atas yang bernazar
 C. Fardhu Kifayah bila ketua negara mengisytiharkan perang jihad
 D. Fardhu Ain ke atas seluruh anggota masyarakat
45. _____ ialah jihad melawan hawa nafsu.
- A. Jihad akbar
 B. Jihad asghar
 C. Jihad mutawassid
 D. Jihad hur
46. _____ ialah jihad menentang musuh yang nyata
- A. Jihad akbar
 B. Jihad asghar
 C. Jihad mutawassid
 D. Jihad hur
47. Berikut ialah beberapa istilah yang mempunyai pengertian yang sama dengan tamadun, kecuali
- i. 'umran iii. mulkiyyah
 ii. Hadharah iv. Madaniyyah
- A. i dan ii B. i, ii dan iii
 C. ii dan iii D. i, ii dan iv

48. Berikut adalah ciri asas sesebuah tamadun, **kecuali**
- A. perkembangan sains dan teknologi
 - B. pekerjaan tetap yang menjamin pendapatan
 - C. sistem bahasa dan tulisan yang hidup
 - D. sistem sosial yang teratur
49. Berikut adalah ciri-ciri Tamadun Barat **kecuali**
- A. Mementingkan kebendaan
 - B. Sekular
 - C. Seimbang
 - D. Merasa lebih tinggi daripada bangsa lain
50. _____ ialah suatu bidang ilmu yang berkaitan dengan fenomena benda-benda hidup.
- A. Biologi
 - B. Botani
 - C. Zoologi
 - D. Fizik
51. _____ ialah suatu bidang ilmu yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan
- A. Biologi
 - B. Botani
 - C. Zoologi
 - D. Fizik
52. Apakah asas utama seni dalam Islam ?
- A. Berasaskan tauhid
 - B. Berasaskan kecantikan dan keunikan
 - C. Berasaskan keagungan
 - D. Berasaskan kemegahan

Soalan 53, 54 dan 55 adalah berdasarkan kenyataan dibawah;

Pada diri manusia Allah kurniakan Jiwa, akal dan pancaindera. Setiap satunya berfungsi dan memerlukan tuntutan-tuntutan yang perlu dipenuhi bagi kesempurnaan keinsanan”

53. Jiwa menuntut _____
- A. kesenian B. keilmuan C. kerohanian D. Kekuatan
54. Akal menuntut _____
- A. kesenian B. keilmuan C. kerohanian D. Kekuatan
55. Pancaindera menuntut _____
- A. kesenian B. keilmuan C. kerohanian D. Kekuatan
56. Selogan seni dalam Islam ialah
- A. seni kerana dunia
B. seni kerana Allah
C. seni untuk dunia
D. seni untuk Allah
57. Seni bina dalam Islam adalah berdasarkan kepada konsep
- A. tauhid B. ibadat C. muamalat D. akhlak
58. _____ ialah satu ilmu yang memperkenalkan bentuk-bentuk huruf tunggal, penyusunannya dan cara-cara merangkainya menjadi sebuah tulisan yang tersusun.
- A. Seni bina
B. Seni kaligrafi
C. Seni kesusasteraan
D. Seni Muzik
59. _____ dapat menghiburkan jiwa dan menenangkan hati dan telinga.
- A. Seni bina
B. Seni kaligrafi
C. Seni kesusasteraan
D. Seni Muzik

60. Zaharah telah kematian suami. Setelah habis tempoh `edahnya, Zaharah telah dipinang oleh Ahmad. Apakah hukum Zaharah berkahwin lagi sekiranya ia bersetuju mengahwini Ahmad ?
- A. Makruh
 - B. Harus
 - C. Sunat
 - D. Haram
61. Undang-undang kekeluargaan dalam Islam di sebut sebagai
- A. Syari`ah
 - B. Mu`amalaat
 - C. Munaakahaat
 - D. Jinaayaat
62. Berikut adalah Hak Isteri daripada Suami **kecuali**
- A. Memperolehi nafkah zahir dan batin daripada suami
 - B. Memperolehi pakaian dan tempat tinggal daripada suami
 - C. Memperolehi jaminan keselamatan dan kebajikan daripada suami
 - D. Memperolehi kemewahan hidup
63. Berikut adalah Hak Suami daripada Isteri **kecuali**
- A. Kepimpinan dan keketuan dalam keluarga
 - B. Ketaatan dan kesetian Isteri kepada suami selagi tidak bercanggah dengan Syariat
 - C. Isteri bertanggungjawab merahsiakan kecacatan suami kepada orang lain
 - D. Suami boleh melakukan apa sahaja yang dikehendaki terhadap isteri secara mutlak
64. Masyarakat Islam yang pertama terbentuk ialah masyarakat yang didirikan oleh Rasulullah S.A.W. di
- A. Makkah.
 - B. Madinah
 - C. Toif
 - D. Hudaibiyah

65. Apakah yang dimaksudkan dengan “Masyarakat Majmuk”?
- A. Orang-Orang Islam yang tinggal di sesebuah tempat
 - B. Masyarakat yang berbilang bangsa, bahasa, kebudayaan dan Agama
 - C. Masyarakat yang tinggal di Bandar
 - D. Masyarakat yang mengamalkan sesuatu budaya yang berlainan dengan masyarakat yang lain
66. Berikut adalah institusi pendidikan yang pernah wujud sehingga zaman Khulafak al-Raasyidin **kecuali**
- A. Daar al-Arqam
 - B. Masjid Quba’
 - C. Masjid Nabawi
 - D. Madrasah an-Nuuriyyah
67. Tujuan utama pendidikan Islam ialah
- A. Menambah ilmu pengetahuan agar dapat mencapai kehidupan yang selesa
 - B. Membentuk serta mengembangkan aspek-aspek kesempurnaan manusia bagi melahirkan manusia yang sempurna
 - C. Memastikan kehidupan manusia tidak terumbang-ambing dibawa arus
 - D. Melengkapkan manusia dengan ilmu pengetahuan
68. Peringkat pertama alam pengajian di zaman Rasulullah s.a.w ialah
- A. Kuttab
 - B. A-`Idadiyyah
 - C. Al-Sanawiyyah
 - D. Al-Jaami`ah
69. Universiti tertua dalam sejarah Islam ialah
- A. Universiti al-Azhar
 - B. Universiti Islamiah Madinah
 - C. Universii Umm al-Qura Makkah
 - D. Universiti Malaya
70. Menurut catatan Abdullah Munsi, di Alam Melayu tidak pernah wujud tempat belajar melainkan untuk mempelajari
- A. Bahasa Melayu
 - B. Bahasa Arab
 - C. Al-Quran
 - D. Ilmu keagamaan

71. Apakah falsafah politik Islam?
- Kekuasaan dan pemerintahan adalah hak dan milik mutlak Allah S.W.T
 - Kekuasaan dan pemerintahan adalah hak manusia dan Allah S.W.T sebagai tuhan yang di sembah
 - Kekuasaan adalah hak dan milik Allah S.W.T
 - Kekuasaan adalah hak manusia untuk memakmurkan bumi ini
72. Pemerintah dan pemimpin dalam politik Islam di istilahkan sebagai
- Raiis
 - Muhtasib
 - Uli al-Amr
 - Manduub
73. Perinsip utama dalam pemerintahan Islam ialah
- Al-`Adaalah
 - Menyeru kepada al-Ma`ruf
 - Mardhaatillah
 - Al-Munkaraat
74. Al-Muhtasib bermaksud _____
- Penguatkuasa
 - Pembawa panji-panji
 - Pasukan peninjau
 - Penjaga keselamatan kota
75. Berikut adalah sumber kewangan negara Islam **kecuali**
- Zakat
 - Sadaaqah
 - Jizyah
 - `Ummaal al-Sadaqaat
76. Apakah prinsip ekonomi dalam Islam?
- Al-`Adaalah Wa al-Ihsan
 - Menyeru kepada al-Ma`ruf
 - Mardhaatillah
 - Munaakahaat
77. Apakah sebenarnya konsep al-qard al-hasan?
- Pinjaman berbentuk pertolongan dan kebajikan
 - Pemberian secara ikhlas
 - Pinjaman tanpa mengenakan faedah
 - Satu kaedah perekonomian Islam

78. Istilah berikut sering digunakan dalam membicarakan ekonomi Islam **kecuali**
- A. Al-Rahn B. Riba C. Al-Qard al-Hasan D. Siyaasah
79. Falsafah ekonomi Islam berlandaskan
- A. Tauhid B. Munaakahaat C. Siyaasah D. Jinaayah
80. Apakah asas ekonomi kapitalisme?
- A. Pertumbuhan bebas tanpa gangguan kerajaan
 B. Pertumbuhan bebas di bawah kawalan kerajaan
 C. Pertumbuhan terkawal tanpa gangguan kerajaan
 D. Pertumbuhan ekonomi yang mementingkan kebajikan masyarakat
81. Berikut adalah beberapa golongan yang layak menerima zakat **kecuali**
- A. Orang kaya yang cacat
 C. Fakir dan miskin
 D. Ibn al-Sabil
 D. Pentadbir Zakat
82. Pembangunan alam sekitar biasanya dikaitkan dengan
- A. Pencemaran, ketidakseimbangan pembangunan
 B. Akidah dan Ibadah
 C. Nikah Kahwin
 D. Budaya
83. Kemajuan sesebuah negara dapat dilihat dari segi fizikalnya melalui
- A. Kemajuan Sains, teknologi dan ICT
 B. Institusi kekeluargaan
 C. Menakluki negara-negara lemah
 D. Kebebasan rakyat
84. Salah faham terhadap Islam disebabkan oleh
- A. Umat Islam
 B. Akidah Islam
 C. Syariat Islam
 D. Akhlak Islam

85. Maksud kebebasan dalam Islam ialah
- A. Bebas tanpa batasan
 - B. Bebas di dalam Kerangka Syariat Islam
 - C. Bebas mengikut pemikiran sendiri
 - D. Bebas dalam hal-hal selain daripada Ibadat
86. _____ akan dikeluarkan bertujuan untuk menyelesaikan tuntutan atau persengketaan
- A. Hakim
 - B. Hukuman
 - C. Pertikaian
 - D. Undang-undang
87. _____ hendaklah dilantik oleh pihak pemerintah untuk menyelesaikan persengketaan dan tuntutan
- A. Polis
 - B. Hakim
 - C. Peguam
 - D. Penguatkuasa
88. Mazhab yang muktabar dalam Islam mengikut tartib kemunculannya ialah:
- I. Maliki
 - II. Syafi'e
 - III. Hanbali
 - IV. Hanafi
- A. I, II, III dan IV
 - B. II, I, III dan IV
 - C. III, II, IV dan I
 - D. IV, I, II dan III
89. Nama pengasas Mazhab Syafi'e ialah
- A. Muhamad bin Idris
 - B. Idris bin Muhamad
 - C. Muhamad bin Syafi'e
 - D. Syafi'e bin Idris

90. Iman al-Syafi`e lahir pada

- A. 105 Hijrah
- B. 106 Hijrah
- C. 107 Hgijrah
- D. 206 Hijrah

Arahan: Tentukan BENAR atau SALAH untuk soalan 91 sehingga 100. Untuk jawapan Benar sila pilih **A**, untuk jawapan SALAH sila pilih **B**.

91 Akal perlu diutamakan sekiranya bertembung dengan wahyu.

92 Sistem nilai dalam Islam berteraskan konsep akidah tauhid kepada Allah s.w.t.

93. Matlamat akhir hidup manusia ialah kejadian di dunia

94 Perkahwinan dilakukan semata-mata untuk mencapai kepuasan nafsu

95. Pemberian nafkah zahir hendaklah disandarkan kepada kemampuan suami

96. Anak-anak perempuan perlu berbuat baik kepada ibu sahaja

97. Pendidikan merupakan satu unsur sosial untuk memudahkan kehidupan sosial.

98. Abu Musa al-Saya`ari digelar sebagai Pedang Allah

99. Piagam Madinah membuktikan bahawa etnik lain boleh melakukan aktiviti harian mereka tanpa gangguan

100. Dalam menjalankan dakwah Rasullullah s.a.w bersikap bersabar dan meneruskan Dakwah sekalipun baginda diancam

KERTAS SOALAN TAMAT

